



NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

Jil. 71  
Bil. 16

**2hb Ogos 2018**

*TAMBAHAN*  
*No. 2*

---

---

ENAKMEN RIZAB MELAYU  
MALAY RESERVATIONS ENACTMENT

PENGISYTIHARAN RIZAB MELAYU WILAYAH LEPANG NENERING

**No. 2144.**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 3(i) Enakmen Rizab Melayu [*N.M.B. Bab 142*], Menteri Besar Perak Darul Ridzuan dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri dengan ini mengisytiharkan bahawa mulai dari tarikh disiarkan pemberitahuan ini dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak*, kawasan yang dinyatakan dalam Jadual hendaklah menjadi suatu Rizab Melayu yang dikenali sebagai Rizab Melayu Wilayah Lembang Nenering.

JADUAL

Kawasan seluas lebih kurang 228.656 hektar, 36.436 hektar dan 23.418 hektar dalam Mukim Pengkalan, Hulu Daerah Hulu Perak bergaris tepi warna kelabu masing-masing pada P.W. 4619, P.W. 4621 dan P.W. 4623 yang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Perak.

Bertarikh 5hb Julai 2018  
[PTG.Pk. 278/4-72(E) Jld. 2; PUPKW207\_2017;  
PU66\_2017; PU.Pk. 67/71-50 Jld. 5]

YAB TUAN AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU  
*Menteri Besar*  
*Perak Darul Ridzuan*

DECLARATION OF WILAYAH  
LEPANG NENERING MALAY RESERVE

In exercise of the powers conferred by subsection 3(i) of the Malay Reservations Enactment [*F.M.S. Cap 142*], the Menteri Besar Perak Darul Ridzuan with the approval of the State Authority declares that from the date of the publication of this notification in the Perak Government *Gazette*, the area described in the Schedule shall be a Malay Reservation to be known as Wilayah Leping Nenering Malay Reserve.

SCHEDULE

The area of approximately 228.656 hectares, 36.436 hectares and 23.418 hectares in Mukim of Pengkalan Hulu, District of Hulu Perak outlined in grey respectively on P.W. 4619, P.W. 4621 and P.W. 4623 deposited in the Office of the Director of Survey and Mapping, Perak.

Dated 5 July 2018

[PTG.Pk. 278/4-72(E) Jld. 2; PUPKW207\_2017;

PU66\_2017; PU.Pk. 67/71-50 Jld. 5]

YAB TUAN AHMAD FAIZAL BIN DATO' AZUMU

*Menteri Besar*

*Perak Darul Ridzuan*

ENAKMEN LEMBAGA AIR PERAK 1988  
PERAK WATER BOARD ENACTMENT 1988

**No. 2145.**

PELANTIKAN ANGGOTA LEMBAGA AIR PERAK

APPOINTMENT OF MEMBER OF THE PERAK WATER BOARD

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 3(2)(e) Enakmen Lembaga Air Perak 1988 [*Pk. En. 12/88*], Pihak Berkuasa Negeri telah melantik Encik Abdul Yunus bin Jamahri sebagai anggota Lembaga Air Perak bagi tempoh dua tahun mulai 23 Mei 2018 hingga 22 Mei 2020.

In exercise of the powers conferred by paragraph 3(2)(e) of the Perak Water Board Enactment 1988 [*Pk. En. 12/88*], the State Authority has appointed Encik Abdul Yunus bin Jamahri as member of the Perak Water Board for a period of two years with effect from 23 May 2018 until 22 May 2020.

Bertarikh 17 Julai 2018

Dated 17 July 2018

[LAP(S) 1/91 SJ. 7( ); PU.Pk. 15/88 Bhg. III]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB

*Setiausaha/Secretary*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan/*

*State Executive Council*

*Perak*

KANUN TANAH NEGARA  
(Akta 56 tahun 1965)  
NATIONAL LAND CODE  
(Act 56 of 1965)

**No. 2146.**

[Subseksyen 62(1)]  
PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]  
RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Sungai Raya, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk kawasan lapang dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Daerah Batu Gajah.

JADUAL

Kawasan Lapang Lot 335266

Daerah—Kinta. Mukim—Sungai Raya. No. Pelan—P.W. 4430. No. Lot—335266.  
Luas—6482 meter persegi.

Kawasan Lapang Lot 335265

Daerah—Kinta. Mukim—Sungai Raya. No. Pelan—P.W. 4433. No. Lot—335265.  
Luas—217 meter persegi.

Kawasan Lapang Lot 335267

Daerah—Kinta. Mukim—Sungai Raya. No. Pelan—P.W. 4434. No. Lot—335267.  
Luas—3249 meter persegi.

Kawasan Lapang Lot 335268

Daerah—Kinta. Mukim—Sungai Raya. No. Pelan—P.W. 4435. No. Lot—335268.  
Luas—1071 meter persegi.

Bertarikh 25 Jun 2018

[PTG.Pk. 247/3-2931(D); PUPKW250\_2016; PUPKW253\_2016;  
PUPKW254\_2016; PUPKW255\_2016; PU.Pk. 67/71-54 Jld. 87]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Sungai Raya, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for an open space and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Batu Gajah District Council.

## SCHEDULE

Open Space Lot 335266

District—Kinta. Mukim—Sungai Raya. Plan No.—P.W. 4430. Lot No.—335266.  
Area—6482 square metres.

Open Space Lot 335265

District—Kinta. Mukim—Sungai Raya. Plan No.—P.W. 4433. Lot No.—335265.  
Area—217 square metres.

Open Space Lot 335267

District—Kinta. Mukim—Sungai Raya. Plan No.—P.W. 4434. Lot No.—335267.  
Area—3249 square metres.

Open Space Lot 335268

District—Kinta. Mukim—Sungai Raya. Plan No.—P.W. 4435. Lot No.—335268.  
Area—1071 square metres.

Dated 25 June 2018

[PTG.Pk. 247/3-2931(D); PUPKW250\_2016; PUPKW253\_2016;  
PUPKW254\_2016; PUPKW255\_2016; PU.Pk. 67/71-54 Jld. 87]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB

*Secretary*

*State Executive Council*

*Perak Darul Ridzuan*

**No. 2147.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Sungai Raya, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk loji rawatan kumbahan dan menetapkan bahawa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembentungan.

## JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Sungai Raya. No. Pelan—P.W. 4432. No. Lot—335273.  
Luas—1367 meter persegi.

Bertarikh 25 Jun 2018

[PTG.Pk. 247/3-2931(D); PUPKW252\_2016;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 87]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan*

*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Sungai Raya, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for sewage treatment plant and has designated that the Federal Lands Commissioner shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Sewerage Services Department.

## SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Sungai Raya. Plan No.—P.W. 4432. Lot No.—335273. Area—1367 square metres.

Dated 25 June 2018

[PTG.Pk. 247/3-2931(D); PUPKW252\_2016;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 87]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB

*Secretary*

*State Executive Council*

*Perak Darul Ridzuan*

**No. 2148.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Mukim Sungai Raya, Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk kolam tadahan air dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Perak.

## JADUAL

Daerah—Kinta. Mukim—Sungai Raya. No. Pelan—P.W. 4433. No. Lot—335272. Luas—4403 meter persegi.

Bertarikh 25 Jun 2018

[PTG.Pk. 247/3-2931(D); PUPKW253\_2016;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 87]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan*

*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Mukim of Sungai Raya, District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for water catchment pond and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Perak State Department of Irrigation and Drainage.

## SCHEDULE

District—Kinta. Mukim—Sungai Raya. Plan No.—P.W. 4433. Lot No.—335272. Area—4403 square metres.

Dated 25 June 2018

[PTG.Pk. 247/3-2931(D); PUPKW253\_2016;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 87]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB

*Secretary*

*State Executive Council*

*Perak Darul Ridzuan*

**No. 2149.**

[Subseksyen 62(1)]

PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

[Subsection 62(1)]

RESERVATION OF LAND FOR A PUBLIC PURPOSE

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 62(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri telah merizabkan petak tanah yang terletak di Jalan Raja Musa Aziz, Bandar Ipoh (U), Daerah Kinta yang diperihalkan dalam Jadual bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk Coronation Park dan menetapkan bahawa Setiausaha Kerajaan Negeri Perak hendaklah mempunyai kawalan terhadap tanah rizab itu dan bahawa tanah rizab itu hendaklah diselenggarakan oleh Majlis Bandaraya Ipoh.

## JADUAL

Daerah—Kinta. Bandar—Ipoh (U). No. Pelan—P.A. 08-064955. No. Lot—1966U. Luas—19.24 hektar.

Bertarikh 26 Jun 2018

[PTG.Pk. 239/7-714(C); PTK(I)1554/61;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 88]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB

*Setiausaha*

*Majlis Mesyuarat Kerajaan*

*Perak Darul Ridzuan*

In exercise of the powers conferred by subsection 62(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority has reserved that parcel of land situated in Jalan Raja Musa Aziz in City of Ipoh (N), District of Kinta described in the Schedule for a public purpose, to wit, a site for Coronation Park and has designated that the State Secretary of Perak shall have control of the reserved land and that the reserved land shall be maintained by the Ipoh City Council.

## SCHEDULE

District—Kinta. City—Ipoh(N). Plan No.—P.A. 08-064955. Lot No.—1966U. Area—19.24 hectares.

Dated 26 June 2018  
[PTG.Pk. 239/7-714(C); PTK(I)1554/61;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 88]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB  
*Secretary*  
*State Executive Council*  
*Perak Darul Ridzuan*

**No. 2150.**

[Subseksyen 64(1)]

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH

[Subsection 64(1)]

REVOCATION OF RESERVATION OF LAND

Bahawasanya melalui Pemberitahuan No. 1059 yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Perak* pada 12 April 2018, notis telah diberikan mengenai cadangan untuk membatalkan perizaban tanah yang dinyatakan dalam Jadual sebagai tapak untuk Pusat Latihan Pegawai Penjara;

Dan bahawasanya, tiada apa-apa bantahan diterima terhadap cadangan untuk membatalkan perizaban tersebut;

Maka oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 64(1) Kanun Tanah Negara [*Akta 56 tahun 1965*], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membatalkan perizaban tanah yang diperihalkan dalam Jadual.

## JADUAL

Daerah—Larut, Matang dan Selama. Mukim—Asam Kumbang. No. Pelan—19,902. No. Lot—2309 (11978) dan 2310. Luas—5 ekar 28 Pol dan 2 ekar 1 rod 37 Pol.

Bertarikh 26 Jun 2018  
[PTG.Pk. 502/8-28(C); PTLM. 532/1/2011/01;  
PU.Pk. 67/71-54 Jld. 88]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB  
*Setiausaha*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan*  
*Perak Darul Ridzuan*

Whereas, by Notification No. 1059 published in the Perak Government *Gazette* on 12 April 2018, notice was given of the intention to revoke the reservation of the land described in the Schedule as a site for Warders Training Depot;

And whereas, no objection to the proposal to revoke the said reservation had been received;

Now therefore, in exercise of the powers conferred by subsection 64(1) of the National Land Code [*Act 56 of 1965*], the State Authority hereby revokes the reservation of the land described in the Schedule.

SCHEDULE

District—Larut, Matang and Selama. Mukim—Asam Kumbang. Plan No.—19,902. Lot No.—2309 (11978) and 2310. Area—5 acres 28 poles and 2 acres 1 rod 37 poles.

Dated 26 June 2018

[PTG.Pk. 502/8-28(C); PTLM. 532/1/2011/01;

PU.Pk. 67/71-54 Jld. 88]

KAMARULARIFFIN BIN HAJI AYUB

*Secretary*

*State Executive Council*

*Perak Darul Ridzuan*

**No. 2151.**

(Seksyen 257 dan 263)

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN

Saya, Abdul Hadi bin Mohammad Suhaimi, Penolong Pentadbir Tanah Kerian setelah menjalankan siasatan atas permohonan pemegang gadaian dalam gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah yang tidak dipecahkan atas tanah yang diperihalkan sedemikian dan setelah puas hati bahawa tidak ada apa-apa sebab yang bertentangan, dengan ini, pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 263 Kanun Tanah Negara, perintah supaya dijual tanah yang tersebut itu.

Dan selanjutnya saya perintahkan—

- (a) bahawa jualan itu hendaklah dengan jalan lelong awam, yang akan diadakan pada hari Selasa, 31 Julai 2018 pada jam 10.30 pagi di Pejabat Tanah Kerian, 34200 Parit Buntar, Perak Darul Ridzuan.
- (b) bahawa harga rizab bagi maksud jualan itu ialah RM12,330,000.00 (Ringgit Malaysia: Dua Belas Juta Tiga Ratus Tiga Puluh Ribu sahaja).
- (c) Luar Simpanan Melayu.

2. Bahawa saya dapati jumlah yang perlu dijelaskan kepada pemegang gadai pada tarikh 23.01.2018 ialah RM12,149,775.87—Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad.

3. Jualan ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) penawar memiliki jumlah yang bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada harga rizab yang ditetapkan di bawah perenggan 1(b) di atas iaitu sebanyak RM1,233,000.00 (Ringgit Malaysia: Sejuta Dua

Ratus Tiga Puluh Tiga Ribu sahaja). Bagi penawar-penawar yang berminat adalah dikehendaki menandatangani dalam bentuk bank draft atas nama Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad.

- (b) amaun penuh harga jualan boleh dibayar serta merta selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya kepada pemegang gadaian;
- (c) di mana amaun penuh harga jualan tidak dibayar selepas tukul dijatuhkan oleh penawar yang berjaya—
  - (i) maka, jumlah yang dinyatakan di perenggan (a) hendaklah dibayar kepada pemegang gadaian dan ia hendaklah dipegang sebagai deposit sehingga keseluruhan harga belian telah dibayar; dan
  - (ii) sebelum baki harga belian diselesaikan, jumlah yang dinyatakan di dalam subperenggan (i) hendaklah dikreditkan ke dalam akaun penggadaian untuk tujuan mengurangkan jumlah wang yang kena dibayar kepada pemegang gadaian.
- (d) baki harga belian hendaklah diselesaikan dalam masa tidak lebih daripada satu ratus dua puluh hari (120) daripada tarikh jualan, iaitu tidak lewat dari tarikh 28 November 2018 dan bahawa hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan; dan
- (e) di mana harga belian sepenuhnya tidak diselesaikan sebelum atau pada tarikh yang ditentukan dalam perenggan (d), jumlah wang yang dibayar sebagai deposit di bawah perenggan (c) kepada pemegang gadaian hendaklah dilucuthak dan dilupuskan dengan cara yang ditetapkan di bawah Seksyen 267.

#### JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Bandar/Pekan/Mukim—Parit Buntar. No. Lot—9537 dan 9538. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 1940 dan G.M. 1941. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua Bahagian. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers: 1565/2012.

Bertarikh 15 Mei 2018  
[PTK(FC) 369/17/17]

ABDUL HADI BIN MOHAMMAD SUHAIMI  
*b.p. Pentadbir Tanah,*  
*Kerian*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,  
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA